JUZU' KE-30

SURAH AL-FALAQ

SURAH KE

113

SURAH AL-FALAQ

Surah Seluruh Makhluk

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

5

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ ٱلْفَلَقِ ﴿١﴾

مِن شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿٢﴾

وَمِن شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ ﴿٣﴾

وَمِن شَرِّ ٱلنَّفَّٰثَٰتِ فِى ٱلْعُقَدِ ﴿٤﴾

وَمِن شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ﴿٥﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad!): Aku pohon perlindungan pada Tuhan yang memelihara seluruh makhluk(1). Dari kejahatan sebarang makhluk yang telah diciptakan-Nya(2). Dan dari kejahatan malam apabila (gelap-gelitanya) meresap(3). Dan dari kejahatan tukang-tukang sihir yang menghembus pada tali-tali yang tersimpul(4). Dan dari kejahatan pendengki apabila ia berdengki."(5).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah al-Falaq dan Surah an-Nas merupakan satu arahan dari Allah, mula-mula kepada Nabi-Nya s.a.w. dan kemudian kepada para Mu'minin, supaya memohon perlindungan dan naungan pada Allah dari segala kejadian yang menakutkan, sama ada yang sulit atau yang terang, sama ada yang tidak diketahui atau yang diketahui secara umum atau secara terperinci, seolah-olah Allah membuka perlindungan dan naungan-Nya kepada mereka sambil berseru dengan penuh kasih sayang: "Marilah ke sini, marilah masuk ke dalam perlindungan dan naungan-Ku. Marilah ke tempat yang aman yang memberi ketenangan kepada kamu! Marilah! Aku tahu kamu lemah dan mempunyai banyak musuh dan di sekeliling kamu berbagai-bagai kejadian yang menakutkan. Hanya di sini sahaja keamanan, ketenteraman dan kedamaian untuk kamu." Justeru itu kedua-dua surah ini dimulai dengan arahan ini:

"Katakanlah (wahai Muhammad!): Aku pohon perlindungan pada Tuhan yang memelihara seluruh makhluk."

(Surah al-Falaq: 1)

"Katakan (wahai Muhammad!): Aku pohon perlindungan pada Tuhan yang memelihara manusia."

(Surah an-Nas: 1)

Mengenai kisah turunnya surah ini terdapat beberapa athar yang semuanya sesuai dengan bayangan yang kami telah nyatakan tadi. Dari keterangan athar-athar itu jelaslah bahawa Rasulullah s.a.w. telah memperlihatkan kegembiraannya yang mendalam terhadap turunnya surah ini.

Dari 'Uqbah ibn 'Amir r.a., Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

ألم تر آيات أنزلت هذه الليلة لم يُر مثلهن قط ؟ قل أعوذ برب الفلق وقل أعوذ برب الناس.

"Tidakkah engkau mengetahui ayat-ayat yang telah diturunkan pada malam ini, iaitu ayat-ayat yang tidak didapati tolok bandingnya iaitu: قل أعوذ برب الناس *dan* قل أعوذ برب الفلق*"*[1]

Dari Jabir r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.: "Bacalah, wahai Jabir!" Aku menjawab, Demi bapaku dan ibuku, baca apa wahai Rasulullah?" Sabdanya: "Bacalah: قل أعوذ برب الناس dan قل أعوذ برب الفلق Lalu aku pun membaca kedua-duanya, kemudian beliau bersabda:

اقرأ بهما فلن تقرأ بمثلهما

"Bacalah kedua-dua surah ini dan engkau tidak akan dapat membaca surah yang serupa dengan kedua-duanya."

Dari Zarr ibn Hubaysy katanya: Aku bertanya Ubay ibn Kab r.a. tentang mu'auwizatayn قل أعوذ برب الناس dan قل أعوذ برب الفلق kataku: "Wahai Abu Munzir, saudaramu Abu Mas'ud telah berkata begini, begini, (mula-mula Ibn Mas'ud tidak mencatatkan kedua-dua surah ini di dalam mushafnya, kemudian ia kembali mengikut pandangan jemaah Sahabat, lalu mencatatkan kedua-dua surah ini di dalam mushaf). Lalu dia menjawab: "Aku telah bertanya Rasulullah s.a.w. dan jawab beliau: Aku diperintah berkata قل,

---

[1] *Dikeluarkan oleh Malik, Muslim, at-Tirmizi, Abu Daud dan An-Nasa'i.*

lalu aku pun berkata. Dan kami pun berkata seperti Rasulullah s.a.w. berkata."

(Dikeluarkan oleh an-Nasa'i)

Semua riwayat ini melahirkan bayangan-bayangan kasih mesra ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 1)

Di sini - dalam surah ini - Allah menyebut dirinya dengan sifat-Nya yang boleh menjadi benteng yang melindungkan dari kejahatan-kejahatan yang tersebut di dalam surah ini:

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ ٱلْفَلَقِ ﴿١﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad!): Aku pohon perlindungan pada Tuhan yang memelihara seluruh makhluk."(1)

Makna Al-Falaq

Di antara pengertian الفلق ialah "waktu pagi" dan "seluruh makhluk". Pengertian ini ditujukan kepada segala kejadian yang dilahirkan ke alam al-wujud dan alam al-hayat sebagaimana diterangkan di dalam Surah al-An'am:

إِنَّ ٱللَّهَ فَالِقُ ٱلْحَبِّ وَٱلنَّوَىٰ يُخْرِجُ ٱلْحَىَّ مِنَ ٱلْمَيِّتِ وَمُخْرِجُ ٱلْمَيِّتِ مِنَ ٱلْحَىِّ

"Sesungguhnya Allahlah yang melahirkan tumbuh-tumbuhan dari butir dan biji benih. Dia mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup."(95)

(Surah al-An'am)

Juga firman selanjutnya:

فَالِقُ ٱلْإِصْبَاحِ وَجَعَلَ ٱلَّيْلَ سَكَنًا وَٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ حُسْبَانًا

"Dialah yang melahirkan pagi dan menciptakan malam untuk beristirehat dan menciptakan matahari dan bulan untuk perkiraan."(96)

(Surah al-An'am)

Sama ada dipakai dengan pengertian "Aku pohon perlindungan pada Tuhan yang menjadi waktu pagi yang memberi keamanan dengan cahaya siang dari segala kejahatan yang sulit dan tersembunyi" atau dipakai dengan pengertian "Aku pohon perlindungan pada Tuhan yang memelihara seluruh makhluk yang memberi keamanan dari segala kejahatan makhluk," maka kedua-dua pengertian itu adalah sesuai dengan ayat-ayat yang kemudian.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 2)

Bahaya Dari Makhluk

"Dari kejahatan sebarang makhluk yang telah diciptakan-Nya."(2)

Maksudnya ialah dari kejahatan seluruh makhluk ciptaan-Nya. Kerana setiap makhluk itu ada keburukan-keburukannya dalam keadaan-keadaan hubungannya yang tertentu, di samping mempunyai kebaikan-kebaikan dalam keadaan-keadaan yang lain. Dan yang dipohon perlindungan di sini ialah dari keburukan dan kejahatannya agar kebaikannya sahaja yang tinggal. Allah yang menciptakan seluruh makhluk itu adalah berkuasa pula mengarah dan mentadbirkan keadaan makhluk-makhluk itu supaya muncul aspek kebaikannya sahaja, bukan keburukannya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 3)

Bahaya Di Waktu Malam

"Dan dari kejahatan malam apabila (gelap-gelitanya) meresap."(3)

Kata-kata الغاسق dari segi bahasa bererti "yang mencurah", dan erti kata-kata الوقب ialah lubang di bukit yang mengalirkan air. Dan yang dimaksudkan di sini biasanya ialah malam dan segala apa yang ada di malam hari. Apabila malam mencurah menyelubungi bumi, maka ketika itu malam sendiri menjadi sesuatu yang menakutkan, tambahan pula ia menimbulkan kemungkinan berlakunya segala sesuatu yang tidak diketahui dan tersembunyi seperti diserang binatang ganas, dimasuki pembunuh, dicerobohi musuh dan didatangi serangga-serangga bisa. Di samping itu, di malam hari juga terbetiknya berbagai-bagai fikiran karut dan berbagai perasaan duka nestapa yang mencekik dan melemaskan minda. Kegelapan malam menolong syaitan untuk bertindak dan menggoda. Kegelapan malam dan keseorangan di malam hari juga menggerakkan nafsu syahwat manusia dan munculnya bahaya-bahaya dari makhluk yang nampak dan tidak nampak yang bergerak dan menyerang di waktu malam.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 4)

Bahaya Bomoh-bomoh Sihir Dan Hakikat Sihir

"Dan dari kejahatan tukang-tukang sihir yang menghembus pada tali-tali yang tersimpul."(4)

Kata-kata النفاثات في العقد ialah perempuan-perempuan bomoh sihir yang berusaha menimpakan bahaya dengan cara memperdayakan pancaindera dan urat

saraf seseorang dan menyampaikan saranan-saranan yang mempengaruhi jiwa dan perasaannya. Mereka membuat simpulan-simpulan tali atau sapu tangan dan menghembuskan pada simpulan-simpulan itu sebagai satu amalan tradisional sihir dan cara menyampaikan saranan-saranan.

Ilmu sihir tidak mengubahkan hakikat-hakikat sesuatu dan tidak pula mewujudkan satu hakikat yang baru, tetapi ia boleh membuat pancaindera dan perasaan seseorang itu merasakan apa yang dikehendaki tukang sihir. Inilah ilmu sihir seperti yang digambarkan oleh Al-Qur'anul-Karim dalam cerita Nabi Musa a.s.:

قَالُوا۟ يَٰمُوسَىٰٓ إِمَّآ أَن تُلْقِىَ وَإِمَّآ أَن نَّكُونَ أَوَّلَ مَنْ أَلْقَىٰ ﴿٦٥﴾

قَالَ بَلْ أَلْقُوا۟ ۖ فَإِذَا حِبَالُهُمْ وَعِصِيُّهُمْ يُخَيَّلُ إِلَيْهِ مِن سِحْرِهِمْ أَنَّهَا تَسْعَىٰ ﴿٦٦﴾

فَأَوْجَسَ فِى نَفْسِهِۦ خِيفَةً مُّوسَىٰ ﴿٦٧﴾

قُلْنَا لَا تَخَفْ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْأَعْلَىٰ ﴿٦٨﴾

وَأَلْقِ مَا فِى يَمِينِكَ تَلْقَفْ مَا صَنَعُوٓا۟ ۖ إِنَّمَا صَنَعُوا۟ كَيْدُ سَٰحِرٍ ۖ وَلَا يُفْلِحُ ٱلسَّاحِرُ حَيْثُ أَتَىٰ ﴿٦٩﴾

"Mereka (tukang-tukang sihir) berkata: Wahai Musa! Pilihlah sama ada engkau yang melemparkan dahulu atau kami orang-orang yang mula-mula melemparkannya(65). Jawab Musa: Silalah kamu melemparkan dahulu. Tiba-tiba tali-tali dan tongkat-tongkat mereka dengan pengaruh sihir mereka terperasan kepada Musa seolah-olah berjalan(66). Lalu Musa merasa takut dalam hatinya(67). Kami berfirman kepadanya: Janganlah engkau takut kerana sesungguhnya engkaulah yang paling tinggi (menang)(68). Dan lemparkanlah tongkat yang ada di tangan kananmu nescaya ia akan menelan apa yang dibuat mereka. Sesungguhnya apa yang dibuat mereka hanya tipu daya tukang sihir sahaja, dan tukang sihir itu tidak menang walau dari mana sahaja ia datang(69).

(Surah Taha)

Demikianlah tali dan tongkat-tongkat sihir mereka tidak berubah menjadi ular-ular yang sebenar tetapi ia hanya membuat orang ramai dan Musa terperasan seolah-olah tongkat-tongkat itu ular-ular yang berjalan hingga menimbulkan perasaan takut dalam hati beliau, lalu Allah meneguhkan hatinya. Kemudian hakikat yang sebenar terbuka apabila tongkat Musa benar-benar berubah menjadi seekor ular hakiki yang menelan semua tali-tali dan tongkat-tongkat tukang sihir yang palsu itu.

Inilah tabi'at ilmu sihir yang harus diterima oleh kita, dan dengan tabi'at inilah ilmu sihir memberi kesan kepada orang ramai, mencetuskan perasaan-perasaan tertentu mengikut saranan-saranan tukang sihir, iaitu perasaan-perasaan yang menakutkan mereka, mengganggu mereka dan mengarahkan mereka ke arah yang dikehendaki oleh tukang sihir. Sampai di sini cukuplah untuk kita memahami tabi'at ilmu sihir dan rahsia hembusan pada simpulan-simpulan tali. Sihir itu suatu kejahatan dan suatu bencana, dan hanya kepada Allah sahaja dapat dipohon perlindungan dan naungan dari gangguannya.

Riwayat Nabi Kena Sihir

Di sana terdapat beberapa riwayat setengahnya sahih tetapi tidak mutawatir yang mengisahkan bahawa Labid ibn A'sam dari bangsa Yahudi telah menyihirkan Nabi s.a.w. di Madinah selama beberapa hari menurut satu cerita, dan selama beberapa bulan menurut satu cerita yang lain, sehingga beliau terperasan telah mendatangi isteri-isterinya sedangkan beliau tidak mendatangi mereka, dan dalam satu riwayat yang lain beliau terperasan melakukan sesuatu sedangkan beliau tidak melakukannya. Dan kedua-dua surah ini adalah diturunkan sebagai jampi kepada Rasulullah s.a.w., Oleh itu, apabila beliau menghadirkan bahan sihir yang dimaksudkan itu setelah diberi mimpi kepadanya dan membaca kedua surah itu, maka terhurailah ikatan sihir itu pada beliau dan hilanglah segala gangguannya.

Tetapi riwayat-riwayat ini bercanggah dengan dasar al-'Ismat an-Nabawiyah[2] iaitu dasar setiap nabi itu ma'sum dalam segala tindakan dan kerja-kerja tablighnya. Riwayat-riwayat itu tidak sejajar dengan dasar 'aqidah bahawa setiap perbuatan Rasulullah s.a.w. dan setiap sabdanya merupakan suatu sunnah dan syari'at. Begitu juga riwayat-riwayat itu bercanggah dengan keterangan Al-Qur'an yang menafikan bahawa Rasulullah s.a.w. itu terkena sihir dan ia mendustakan kaum Musyrikin yang membuat dakwaan yang bohong itu. Oleh kerana itu kami terpaksa ketepikan riwayat-riwayat ini kerana Hadith-hadith A'ahad tidak boleh dijadikan pegangan dalam perkara-perkara 'aqidah. Tempat rujukan yang sebenar ialah Al-Qur'an, dan riwayat yang mutawatir merupakan syarat untuk diterima hadith-hadith yang ada hubungan dengan dasar-dasar 'aqidah, sedangkan riwayat-riwayat mengenai kisah Nabi s.a.w. disihir itu tidak mutawatir, tambahan pula mengikut pendapat yang kuat kedua-dua surah itu adalah diturun di Makkah ini melemahkan asas riwayat-riwayat itu.

* * * * * *

---

2 العصمة النبوية

(Pentafsiran ayat 5)

Bahaya Pendengki

وَمِن شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ٥

"Dan dari kejahatan pendengki apabila ia berdengki."(5)

Hasad dengki ialah perasaan cemburu hati terhadap sesuatu ni'mat yang dikurniakan Allah kepada hamba-hamba-Nya yang tertentu serta bercita-cita supaya ni'mat itu musnah dan hilang, sama ada si pendengki yang merasa cemburu hati itu bertindak untuk memusnahkan ni'mat itu kerana ditekan dendam kesumat atau ia hanya terhenti sekadar menaruh perasaan cemburu hati sahaja, namun sesuatu kejahatan mungkin akan berlaku selepas wujudnya perasaan cemburu hati itu.

Kita terpaksa merendahkan nada menolak atau menafikan mana-mana rahsia alam yang kita tidak ketahui, juga rahsia-rahsia jiwa dan sistem peralatan jisim manusia, kerana di sana terdapat banyak kejadian yang lahir dari rahsia-rahsia itu sedangkan kita tidak dapat mentafsirkan sebab musababnya sehingga hari ini, contohnya perhubungan telepati (perhubungan antara jiwa) yang berlaku di antara individu-individu yang tinggal berjauhan, iaitu perhubungan yang benar-benar berlaku yang dapat dibuktikan kebenarannya dengan berita-berita kejadian yang masyhur dan ujian-ujian yang banyak, sedangkan kita tidak dapat mentafsirkan sebab musababnya berdasarkan maklumat-maklumat yang ada pada kita. Begitu juga hipnotisme (ilmu daya menidurkan orang lain) yang kini menjadi objek ujian yang meyakinkan, sedangkan rahsia dan kaifiyatnya masih tidak diketahui. Di samping telepati dan hipnotisme, di sana banyak lagi rahsia-rahsia alam, rahsia-rahsia jiwa dan rahsia-rahsia sistem peralatan jisim manusia.

Oleh itu, apabila pendengki-pendengki itu berdengki dan mengarahkan perasaan cemburu hatinya kepada orang yang didengkinya, maka kita tidak ada jalan untuk menafikan adanya kesan-kesan buruk dari pengarahan perasaan itu dengan alasan kerana ilmu pengetahuan dan alat-alat yang ada pada kita tidak sampai kepada rahsia kesan itu dan cara tindakannya. Kita tidak mengetahui bidang ini melainkan sedikit sahaja, dan pengetahuan yang sedikit itu pun biasanya kita perolehi secara kebetulan sahaja, dan kemudian ia mantap menjadi satu hakikat yang berlaku selepas itu.

Pada hasad dengki terdapat bencana dan kejahatan yang perlu dipohon perlindungan dan naungan dari Allah agar terselamat darinya.

Allah S.W.T. dengan limpah rahmat-Nya mengarahkan Rasul-Nya s.a.w. dan sekalian umat di belakangnya supaya memohon perlindungan kepada-Nya dari bencana-bencana kejahatan hasad dengki, dan sudah tentu apabila mereka memohon kepada-Nya, Dia akan melindungi mereka dari kejahatan-kejahatan itu baik secara umum mahupun secara terperinci.

Cara Nabi (s.a.w.) Membaca Ayat-ayat Perlindungan

Menurut riwayat al-Imam al-Bukhari dari Aisyah r.a. katanya: Adalah Rasulullah s.a.w. apabila beliau berada di tempat tidurnya setiap malam beliau menemukan dua tapak tangannya kemudian menghembuskan pada keduanya dan membaca قل هو الله أحد, قل أعوذ برب الفلق dan قل أعوذ برب الناس , kemudian beliau sapukan dengan kedua tapak tangannya semua bahagian tubuhnya yang dapat disapukan olehnya. Beliau mulakan di atas kepala dan mukanya dan bahagian hadapan badannya. Beliau berbuat demikian sebanyak tiga kali. Demikianlah diriwayatkan oleh para pengumpul hadith (Hadith Ashabus-Sunan).[3]

* * * * * *

---

[3] *Al-Ustaz as-Syeikh Muhammad 'Abduh telah mengemukakan satu pendapat yang lain ketika mentafsirkan ayat (4) dan (5) dalam tafsir Juzu' 'Amma dari karya beliau. Sila rujuk tafsir itu. Sebab yang membawa beliau mengeluarkan pendapat itu ialah berlandaskan alasan yang kami telah sebut pada Surah al-Fil, iaitu aliran pentafsiran 'aqliyah yang dianuti oleh beliau dengan tujuan untuk menyempitkan ruang perkara-perkara ghaib atau ghaibiyah yang di luar daya tanggapan pancaindera itu.*